

# BAB SATU

## BAB 1

### DOKTRIN JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT DALAM GEREJA ROMAN KATHOLIK

#### A. PENDAHULUAN

Penulisan di dalam bab ini akan membincangkan mengenai sejarah kemunculan Gereja Roman Katholik yang mempercayai Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada dosa warisan. Ianya meliputi prinsip-prinsip ajaran Gereja Roman Katholik yang dipercayai bersumber dari ajaran yang disebarluaskan oleh St. Paul. Di samping perkara tersebut dihuraikan juga mengenai sumber-sumber utama pegangan Gereja Roman Katholik di dalam menerapkan kepercayaan bahawa Jesus Christ adalah penyelamat atau *saviour* yang dijanjikan untuk menyelamatkan manusia. Perkara-perkara di atas adalah penting untuk dibincangkan di dalam bab ini kerana ia memberi penjelasan terhadap akidah yang dianuti oleh Gereja Roman Katholik. Apabila perkara asas ini telah diketahui, adalah mudah untuk meneruskan perbincangan berkaitan dengan doktrin Jesus Christ sebagai penyelamat daripada dosa warisan di dalam Gereja Roman Katholik yang akan diperbincangkan secara tuntas di dalam bab 2 dan bab 3 serta analisis Islam terhadapnya pada bab 4.

## B . JESUS CHRIST DALAM GEREJA ROMAN KATHOLIK

Gereja Roman Katholik diwartakan namanya secara rasmi pada tahun 1054 M. Dinamakan Gereja Roman Katholik sebagai tanda pengenalan yang membezakan gereja ini dengan gereja yang terletak di Timur iaitu Gereja Greek Orthodoks. Menurut penelitian sejarah gereja ini telah pun wujud pada abad ke 2 Masehi lagi iaitu kira-kira pada tahun 150-170 Masehi. Ia dikenali ketika itu dengan nama Jemaah Roma<sup>10</sup>.

Menurut *The New Encyclopedia Britannica*, perkataan gereja berasal daripada bahasa Yunani iaitu *Ecclesia* yang bermaksud orang yang diseru keluar daripada tipudaya dunia untuk berbakti kepada Tuhan. Manakala perkataan Roman yang disebut bersama dengan gereja tersebut adalah bermaksud empayar Romawi. Menurut sejarah pada zaman perkembangan agama Kristian dunia ketika itu dikuasai oleh empayar Romawi. Maharaja Constantine *The Great* (311-337M) telah menjadikan agama Kristian sebagai agama rasmi<sup>11</sup>. Serentak dengan pengiktirafan tersebut sebuah gereja telah dibina di kota Romawi dan dinamakan sebagai Gereja Roman. Perkataan Katholik pula bermaksud umum kerana gereja yang didirikan itu menerima semua manusia yang ingin memeluk agama Kristian.

<sup>10</sup> Fakta penubuhan ini berdasarkan kepada satu dokumen yang dipercayai dicatat pada abad kedua Masehi yang berbunyi : *credo in spiritum sanctum, sanctum ecclesiam catholicam, sanctorum communianem* yang bermaksud : gereja suci dan umum, permuaafakan orang-orang yang suci. Di dalam ungkapan ini menyatakan gereja ketika itu telah pun bersifat Katholik atau umum. Lihat Robert P. Gwim, et. al. (1992), *The New Encyclopedia Britannica*. Chicago: University Press, ed. 5, vol. 3. Hal. 304.

<sup>11</sup> Rouf Shalaby (1972), *Sorotan Kepada Agama Masehi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, cet 1. Hal. 77.

Berlandaskan fakta-fakta yang dinyatakan di atas gereja tersebut kemudiannya dikenali sebagai Gereja Roman Katholik<sup>12</sup>.

Gereja Roman Katholik berdiri di atas kepercayaan bahawa manusia adalah berdosa. Dosa tersebut menurut mereka diwarisi daripada kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve<sup>13</sup>. Akibat dari kepercayaan ini mereka beranggapan bahawa Tuhan amat murka kepada manusia. Namun untuk menghukum manusia Tuhan dikatakan mempunyai sifat kasih sayang yang tidak terbatas. Dengan kasih sayang-Nya, Tuhan telah menyelesaikan masalah ini dengan cara mengutus *Son of Man* dan *Son of God* iaitu Jesus Christ sebagai penyelamat atau penebus dari dosa warisan tersebut<sup>14</sup>. Kepercayaan ini begitu dominan di dalam Gereja Roman Katholik. Ini dapat dilihat di dalam prinsip ajaran gereja ini yang berpegang kepada<sup>15</sup>:

1. Kepercayaan kepada Tuhan Bapa yang paling berkuasa
2. Kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai putera tunggal Tuhan Bapa atau *Son of God*
3. Kepercayaan bahawa Jesus Christ dikandung oleh *Holy Spirit*, tetapi dilahirkan oleh Maryam

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Infra*. Bab dua. Hal. 44,45,47 dan 49.

<sup>14</sup> Tan Chee Ingg (1995), *Pembelaan....* Kuala Lumpur: CRC., cet. 1. Hal. 94.  
<sup>15</sup> Mary Pat Fisher (1994), *Living Religions*. New Jersey: Prentice Hall Inc. A Division of Simon & Schuster Englewood Cliff. Hal. 257. Lihat juga David S. Noss dan John B. Noss (1993). *A History of the World's Religions*. New Jersey: Macmillan Publishing Company. Hal. 522.

4. Kepercayaan kepada penderitaan yang dialami oleh Jesus Christ akibat disalib bagi menebus dosa manusia yang berasal daripada kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve
5. Kepercayaan kepada kebangkitan semula Jesus Christ setelah mati disalib
6. Kepercayaan kepada Jesus telah naik ke langit setelah bangkit dari kematian dan bersemayam di sebelah kanan Tuhan Bapa
7. Kepercayaan kepada Jesus Christ akan mengadili manusia di hari Kiamat
8. Kepercayaan kepada ketuhanan *Holy Spirit*
9. Kepercayaan dan ketundukan kepada Gereja Roman Katholik yang suci
10. Kepercayaan kepada konsep pengampunan dosa (*confession*) yang ditauliahkan kepada para paderi
11. Kepercayaan kepada kebangkitan jasad di hari Akhirat
12. Kepercayaan kepada konsep kehidupan yang kekal di hari Akhirat kelak.

Berdasarkan kepercayaan yang dianut<sup>16</sup> oleh Gereja Roman Katholik sebagaimana disenaraikan di atas, jelas menunjukkan bahawa penganut gereja ini mempercayai bahawa Jesus Christ adalah penyelamat dan sekaligus sebagai lambang kasih dan cinta Tuhan kepada manusia. Manusia yang sepatutnya dihukum kerana kesan dosa tersebut, telah dirahmati oleh Tuhan dengan merelakan *Son of Man* dan *Son of God* disalib sebagai pengganti kepada hukuman ke atas manusia<sup>16</sup>. Oleh itu, bagi setiap penganut Katholik yang meyakini Jesus

<sup>16</sup> *Infra*. Bab dua. Hal. 52-54.

Christ adalah penyelamat dan melaksanakan segala ajaran Gereja Roman Katholik akan dijamin mendapat pengadilan yang sempurna di kerajaan Tuhan kelak.

Menurut Joesoef Sou'yb di dalam bukunya *Agama-agama Besar di Dunia* mengatakan bahawa prinsip-prinsip pegangan yang dipercayai oleh Gereja Roman Katholik itu memperjelaskan bahawa ajaran mereka merupakan ambilan daripada ajaran yang telah disebarluaskan oleh St. Paul<sup>17</sup>. Kerana itu menurut Gerald L. Berry di dalam bukunya *Religion of the World* mengenali St. Paul adalah kunci utama untuk memahami ajaran yang terdapat di dalam ajaran Roman Katholik<sup>18</sup>. Oleh yang sedemikian penulisan ini selanjutnya membicarakan mengenai St. Paul dan hubungannya dengan Gereja Roman Katholik bagi tujuan memperjelas hubungan di antara ajaran Gereja Roman Katholik dengan ajaran St. Paul.

#### C . ST. PAUL DAN IDEA JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT

Menurut catatan sejarah nama sebenar St. Paul adalah Saul dan beliau telah dilahirkan di sebuah bandar bernama Tarsus. Tarsus merupakan sebuah bandar kebudayaan Greek yang terletak di dalam wilayah Celicia di Asia Kecil. St. Paul dikatakan sebagai seorang yang bijak, petah bercakap dan mempunyai ingatan yang kuat. Dengan kebijaksanaannya itu, beliau dikatakan telah menguasai pelbagai bidang terutamanya agama dan falsafah. Sesuai dengan perkembangan semasa cara hidup beliau ketika itu dipengaruhi oleh tiga bentuk kebudayaan yang

<sup>17</sup> Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*. Jakarta: Pustaka al-Husna, cet. 3. Hal. 210.

<sup>18</sup> Gerald L. Berry (1947), *Religion of the World*. New York: Barnes & Noble Books. Hal. 71.

utama iaitu Yahudi, Rom dan Greek. Keadaan ini telah memberi banyak kelebihan kepada dirinya, terutamanya di dalam menguasai kebudayaan dan agama Greek, Rom dan falsafah Greek yang terkenal<sup>19</sup>.

Di dalam buku *History of The Christian Church* karangan Philip Scheff menjelaskan bahawa dengan kelebihan yang ada pada dirinya, beliau mampu berdebat dengan ahli mazhab lama agama Yahudi atau *Pharisee*. Malahan St. Paul mampu memberi ceramah kepada bangsa Greek menggunakan bahasa tersebut dengan begitu fasih dan indah susunan bahasanya. Beliau juga diberikan kemuliaan dan penghormatan oleh bangsa Rom yang membolehkannya mengembara dengan selamat ke seluruh kerajaan Rom<sup>20</sup>.

Menurut sejarah Kristian peristiwa kemasukkan St. Paul ke dalam agama Jesus berkait rapat dengan kisah permusuhan dengan para pengikut agama Kristian. Perasaan marah St. Paul mendorong beliau meminta kebenaran daripada para pendita Yahudi untuk memburu pengikut Kristian yang melarikan diri ke Damsyik. Permintaan St. Paul telah dipersetujui dan pendita-pendita Yahudi telah memberinya surat kebenaran untuk menangkap Yahudi Kristian dan membawanya kembali ke Jerusalem. Setelah mendapat kebenaran, beliau menyiapkan rombongannya dan telah bertolak ke Damsyik. Perjalanan beliau ke Damsyik

<sup>19</sup> Ḩ Aliyy Ḩ Abd al-Halīm Mahmūd (1988), *al-Masihiyyah Nashatuhā wa Tatawwaruhā*. al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, cet. 5. Hal. 187.

<sup>20</sup> Philip Scheff (1995), *History of The Christian Church*. t.t: Charles Scribner's Sons. vol. 1. Hal. 287.

berlaku di sekitar tahun 34 Masehi. Terdapat pendapat lain menyatakan berlaku pada tahun 38 Masehi<sup>21</sup>.

Ketika sampai di suatu kawasan berhampiran Damsyik, beliau dikatakan mengalami suatu peristiwa yang ajaib kerana secara tiba-tiba penglihatannya menjadi silau akibat dipancar cahaya yang amat terang dari arah langit. Beliau terjatuh ke tanah dan mendengar suatu suara dari langit:

*"Saul, Saul, why do you persecute me?" "Tell me, Lord," he said, "Who you are?" The voice answered, "I am Jesus, whom you are persecuting. But get up and go into the city, and you will be told what you have to do."*<sup>22</sup>

Setelah mengalami peristiwa itu, St. Paul bangun tetapi beliau telah menjadi buta kesan daripada pancaran cahaya yang kuat tersebut. Beliau kemudiannya terpaksa dipimpin oleh ahli rombongannya memasuki kota Damsyik. Dikatakan selama tiga hari beliau telah menjadi buta dan selama itulah juga dia berpuasa. Kebetulan di Damsyik ketika itu ada seorang penganut agama Kristian bernama Ananias (m. 60M) yang mendapat amanat daripada Jesus Christ supaya memulihkan kembali penglihatan St. Paul<sup>23</sup>.

Setelah pulih dan sihat, St. Paul menetap beberapa hari di Damsyik. Semasa di Damsyik beliau telah mula mengajar dan mengisyiharkan bahawa Jesus Christ adalah Anak Tuhan. *The New Testament (Acts 9:19-20)* menukilkkan:

<sup>21</sup> Ninian Smart (1996), *The Religious Experience*. New Jersey: Prentice Hall Inc. Simon & Schuster/ A Viacom Company. Hal. 225-226.

<sup>22</sup> Lihat *The New Testament (Acts 9: 1-9, 22: 6-16 dan 26: 12-18)*.

<sup>23</sup> J. D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*. London: The Inter-Varsity Fellowship. Hal. 48.

*"Saul spent several days with the disciples in Damascus. At once he began to preach in the synagogues that Jesus is the Son of God "*

Melalui penyataan di atas memperlihatkan bahawa St. Paul telah membawa idea Jesus Christ sebagai penyelamat yang dijanjikan oleh Tuhan. Selanjutnya ajaran tersebut telah menjadi tonggak dan pokok kepada akidah Gereja Roman Katholik yang diluluskan melalui persidangan-persidangan gereja sedunia yang kebanyakannya dikuasai oleh para pengikut St. Paul<sup>24</sup>.

Walau bagaimanapun, ajaran St. Paul di atas pada peringkat awal telah menerima tentangan dari golongan awal yang memeluk agama Kristian atau *Early Christians*. Ini kerana ajaran sedemikian adalah bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Jesus Christ<sup>25</sup>. Pertentangan ini akhirnya telah menimbulkan perselisihan di antara St. Paul dan Barnaba. *Acts 15: 36-41* ada merakamkan peristiwa perselisihan faham tersebut yang berbunyi:

*"Some time later Paul said to Barnabas, "Let us go back and visit the brothers in all the towns where we preached the word of the Lord and see how they are doing." Barnabas wanted to take John, also called Mark, with them, but Paul did not think it wise to take him, because he had deserted them in Pamphylia and had not continued with them in the work. They had such a sharp disagreement that they parted company."*

<sup>24</sup> Rouf Shalaby (1972), *Sorotan Kepada Agama Masehi*. Hal. 80.

<sup>25</sup> Muhammad Ata ur-Rahim (1981), *Jesus A Prophet of Islam*. Karachi: Begum Aisha Bawany Wakf. Hal. 97.

Rentetan daripada peristiwa tersebut St. Paul bersama dengan seorang sahabatnya yang bernama Silas<sup>26</sup> telah berhijrah ke Mecedonia dan Semenanjung Greek. *The New Testament (Acts 16 : 9-10)* ada menceritakan mengenai pemergiannya ke wilayah tersebut:

*"During the night Paul had a vision of a man of Macedonia standing and begging him. "Come over to Macedonia and help us." After Paul had seen the vision, we got ready at once to leave for Macedonia, concluding that God had called us to preach the gospel to them."*

Di wilayah Mecedonia St. Paul telah berjaya menyebarkan ajarannya dan mendapat pengikut yang ramai. Oleh kerana St. Paul mendakwa membawa ajaran yang berasal daripada Jesus Christ dan beliau adalah berbangsa Yahudi sedangkan pengikut-pengikutnya ramai dari keturunan Greek, Rom dan sebagainya, beliau bersama pengikutnya telah dipanggil sebagai *Gentile Christians* oleh penduduk-penduduk di Mecedonia dan Semenanjung Greek<sup>27</sup>.

Di antara ajaran-ajaran pokok yang disebarluaskan oleh St. Paul sewaktu hidupnya ialah<sup>28</sup>:

<sup>26</sup> *Act 15:40* merakamkan: *Paul choose Silas and left commended by the brothers to grace of the Lord.*

<sup>27</sup> *Gentile Christian* bermaksud orang-orang bukan Yahudi yang menganut agama Kristian. Pada peringkat awal agama Kristian diakui dibawa oleh Jesus hanya untuk bangsa Israel. Walau bagaimanapun setelah St. Paul mengaku menganut agama Kristian beliau telah berusaha menyebarkan agama Kristian kepada orang-orang bukan Yahudi yang terdiri daripada bangsa Greek dan Rom. Lihat James Hastings (1910), *Encyclopedia of Religion and Ethics*. Edinburgh: T&T Clarke. Hal. 204.

<sup>28</sup> Ninian Smart (1996), *The Religious Experience*. Hal. 258-259. Lihat juga Stephen F. Brown (1991), *Christianity World Religions*. London: George Allen & Unwin Ltd. Hal. 106.

1. Semua manusia adalah berdosa semenjak mereka dilahirkan. Dosa tersebut dipanggil sebagai dosa warisan atau *inherited sin*. Bapa dan ibu manusia yang pertama iaitu Adam dan Eve adalah punca asas kepada dosa tersebut kerana telah melanggar perintah Tuhan yang mlarang mereka memakan buah dari *Tree of Knowledge and evil* yang berada di Taman Eden<sup>29</sup>. Keingkaran tersebut menyebabkan mereka diusir dari Eden ke dunia ini. Semenjak daripada peristiwa tersebut kejahatan, dosa dan kematian telah melingkari hidup manusia di dunia. Ajaran ini jelas dapat disaksikan dari kata-kata Paul di dalam **Roman 5 : 12-18**:

*"Therefore, just as sin entered the world through one man, and death through sin, and in this way death came to all men, because all sinned— for before the law was given, sin was in the world. But sin is not taken into account when there is no law. Nevertheless, death reigned from the time of Adam to the time of Moses, even over those who did not sin by breaking a command, as did Adam, who was a pattern of the one to come. But the gift is not like the trespass. For if the many died by the trespass of the one man, how much more did God's grace of the many! Again, the gift of God is not like the result of the one man's sin: The judgement followed many trespasses and brought justification. For it, by the trespass of the one man, death reigned through that one man, how much more will those who receive God's abundant provision of grace and of the gift of righteousness reign in life through the one man, Jesus Christ."*

2. Tuhan mempunyai seorang anak lelaki atau Son of God yang dicipta menerusi zat-Nya. Anak ini kemudiannya dikenali sebagai Jesus Christ. Pegangan ini ditegaskan oleh Paul di dalam **Colossians 1: 15** yang bermaksud:

---

<sup>29</sup> *Genesis 3:17.*

*"He is the image of the invisible God the firstborn over all creation..."*

3. Jesus Christ telah menjelma atau *incarnate* serta hidup seperti manusia biasa bagi tujuan menyelamatkan manusia daripada dosa warisan. **Hebrews 1:3** ada merakamkan akidah ini yang bermaksud:

*"The son is the radiance of God's glory and the exact representation of his being, sustaining all things by his powerful word."*

4. Jesus Christ di dalam usaha menyelamatkan manusia telah disalib atau *crucify* dan mati bagi menyelamatkan manusia daripada dosa warisan. **Matthew 27: 35** ada merakamkan peristiwa pensaliban ini yang bermaksud:

*"When they had crucified him, they divided up his clothes by casting lots..."*

5. Jesus Christ mati disalib untuk menebus dosa manusia atau *redemption* yang disebabkan oleh kesalahan Adam dan Eve. **Romans 5:8** ada menyebut mengenai kepercayaan ini yang bermaksud:

*"But God demonstrated his own love for us in this: While we were still sinners, Christ died for us."*

6. Jesus Christ yang mati disalib telah dikuburkan tetapi telah hidup kembali atau *resurrection* setelah 3 hari berada di dalam kubur. **Romans 1: 2-5** ada menyebut berkenaan dengan akidah ini yang bermaksud:

*"the gospel he promised beforehand through his prophets in the Holy Scriptures regarding his Son, who as to his human nature was a*

*descendant of David, and who through the spirit of holiness was declare with power to be the Son of God by his resurrection from dead..."*

7. Setelah bangkit daripada kubur Jesus Christ telah naik ke langit atau *ascension* untuk bersemayam di sisi Tuhan Bapa. **Colossians 3:1** ada menyebut mengenai kepercayaan ini yang bermaksud:

*"Since, then, you have been raised with Christ, set your hearts on things above where Christ is seated at the right hand of God."*

Bagi menyakinkan segala ajarannya adalah benar dan berasal daripada Jesus, St. Paul mengukuhkan pula idea tersebut dengan doktrin Rahsia Ilahi atau *Divine Mysteries*. Menurut doktrin tersebut segala ajaran beliau tidak mampu difikir dan diselidiki oleh pemikiran manusia tetapi ianya wajib diimani sepenuhnya<sup>30</sup>. Ini ditegaskan sendiri oleh St. Paul di dalam **Ephesians 3: 3-8** yang bermaksud:

*"Surely you have heard about the administration of God's grace that was given to me for you, that is the mystery made known to me by revelation, as I have already written briefly. In reading this then you will be able to understand my insight into the mystery of Christ, which was not made known to men in other generations as it has now been revealed by Spirit to God's holy apostles and prophets."*

Berdasarkan prinsip-prinsip ajaran di atas memperlihatkan bahawa St. Paul merupakan tokoh utama yang membawa idea Jesus Christ adalah penyelamat atau *saviour* dan *Son of Man* atau *Son of God* yang mengorbankan diri di tiang salib untuk menghapuskan dosa warisan yang menimpa manusia. Ajaran St. Paul di atas juga menyaksikan bahawa ideanya adalah bertitik tolak daripada doktrin dosa

<sup>30</sup> Joesoef Sou'yib (1981), *Agama-agama Besar di Dunia*. Hal. 331-333.

warisan atau *inherited sin* yang kemudiannya dihubungkait oleh St. Paul dengan menjadikan Jesus sebagai jalan penyelesaian yang akhir kepada krisis yang dialami oleh manusia.

:

Selepas kemasukannya ke dalam agama Kristian, St. Paul banyak menulis surat kepada pembesar-pembesar dan penduduk-penduduk di serata tempat. Bukti surat-suratnya dapat dilihat di dalam *The New Testament* pada bab yang khusus iaitu *Epistles of Paul*. Surat-surat ini menurut penulis ditulis bertujuan untuk menyebarkan, menerangkan dan menjelaskan pemikirannya tentang akidah Kristian kepada penganut-penganut agama Kristian.

Bagi membuktikan dakwaan penulis di atas, berikut dinyatakan keterangan daripada *The New Testament* (**2 Corinthians 5:14-15 & 17-21**) St. Paul menyatakan:

*"For Christ's love compels us, because we are convinced that one died for all, and therefore all died. And he died for all, that those who live for themselves but for him who died for them and was raised again." "Therefore, if anyone is in Christ, he is new creation: the old has gone, the new has come! All this from God, who reconciled us to himself through Christ and gave us the ministry of reconciliation; that God was reconciling the world to himself in Christ, not counting men's sins against them. And he has committed to us the message of reconciliation. We are therefore Christ's ambassadors, as though God were making his appeal through us. We implore you on Christ's behalf: be reconciled to God. God made him who had no sin to be sin for us, so that in him we might become the righteousness of God."*

Berdasarkan kenyataan tersebut, St. Paul cuba mengajarkan tentang idea perdamaian antara Tuhan dengan manusia melalui perantaraan Jesus Christ yang

dikehendaki mati dahulu supaya perdamaian ini berlaku. Ini bererti St. Paul telah mengajarkan bahawa Jesus Christ adalah penyelamat melalui pernyataannya tentang Jesus Christ mati kerana melepaskan manusia daripada tanggungan dosa. Justeru untuk merungkaikan belenggu dosa perlu melakukan perdamaian dengan Tuhan sepetimana yang dijelaskannya di dalam *2 Corinthians 17-21* di atas. Demikianlah salah satu contoh yang membuktikan bahawa sememangnya St. Paul menulis surat-surat tersebut bertujuan untuk menyebarkan dan menanamkan ajarannya kepada orang ramai. Ternyata ajarannya adalah bertentangan dengan ajaran sebenar Jesus Christ<sup>31</sup>.

Setelah kematian St. Paul di dalam peristiwa pembunuhan beramai-ramai atau *massacre* di zaman pemerintahan Kaisar Nero (54-68M) pada tahun 64 Masehi ajaran dan pengaruhnya telah disebar luas oleh pengikut-pengikutnya yang ramai dan akhirnya telah berjaya menguasai Jemaah Roma (Gereja Roman Katholik) yang merupakan gereja tunggal yang wujud ketika itu<sup>32</sup>.

Penguasaan terhadap gereja ini dapat dilihat pada pertengahan abad ke 3 Masehi. Ketika itu dunia Kristian telah mengalami krisis akidah yang dimonopoli oleh dua aliran iaitu Athansianisme yang dipimpin oleh *Bishop Athanasius* (m. 336M) berpegang kepada ajaran yang mengatakan Jesus Christ adalah *Son of God* dan *Son of Man* yang dititiskan daripada Zat Tuhan Bapa kemudiannya telah menjelma melalui *Mother of God* atau Mary bagi menyelamatkan manusia daripada

<sup>31</sup> Ajaran sebenar Jesus Christ dinyatakan oleh penulis pada bab akan datang. *Infra*. Bab empat. Hal. 114.

<sup>32</sup> Joesoef Sou'yb (1981), *Agama-agama Besar di Dunia*. Hal. 328.

dosa warisan yang ditanggung oleh manusia semenjak daripada zaman Adam dan Eve<sup>33</sup>. Aliran yang kedua pula ialah fahaman yang dipimpin oleh Patriach Arius; berkeyakinan bahawa Jesus Christ adalah manusia biasa yang dilahirkan tanpa bapa sebagai bukti kekuasaan Allah. Jesus kemudiannya dilantik menjadi nabi dan pembimbing kepada bangsa Yahudi yang semakin jauh menyeleweng dari syariat Taurat<sup>34</sup>.

Dua fahaman yang bertentangan ini telah membingungkan Kaisar Constantine (311-337M) yang menjadikan Kristian sebagai agama rasmi Empayar Rom pada ketika itu. Bagi mencari jalan penyelesaian Kaisar Constantine telah menganjurkan sebuah persidangan gereja sedunia di Nicea pada tahun 325 M. Walau bagaimanapun, perbincangan yang diperbahaskan di dalam persidangan ini gagal mencapai kata sepakat. Akhirnya Kaisar Constantine telah memerintahkan agar pugutan suara dilaksanakan. Pihak yang mendapat sokongan majoriti seterusnya akan dianggap benar akidahnya. Apabila pungutan suara dijalankan seramai 318 Bishop telah menghadiri persidangan tersebut dan majoriti daripada mereka telah menyokong Bishop Athanasius. Sokongan itu telah memberi kemenangan kepada aliran Athananisme dan ajaran mereka telah diisyihar sebagai benar dan ajaran Arius telah dianggap sebagai bidaah dan menyeleweng<sup>35</sup>.

<sup>33</sup> H. Berkhof dan I. H Enklaar (1990), *Sejarah Gereja*. Jakarta: Pt. BPK Gunung Mulia, cet. 1. Hal. 45.

<sup>34</sup> Rouf Shalaby (1972). *Sorotan Kepada Agama Masehi*. Hal. 77.

<sup>35</sup> *Ibid.*

Di dalam persidangan tersebut di samping menetapkan Jesus Christ sebagai *Son of God* atau *Son of Man* yang mengorbankan dirinya di tiang salib sebagai membebaskan diri manusia daripada dosa warisan ia juga menetapkan bahawa empat buah *gospel* sahaja dianggap sah dan suci di dalam Gereja Roman Katholik. *Gospel* tersebut adalah Matthew, Mark, Luke dan John. Di samping *gospel-gospel* tersebut beberapa surat kiriman juga telah disahkan sebagai suci. Surat-surat tersebut ialah *Act of Apostle (Acts)*, *Epistle of Paul* dan *Revelation*<sup>36</sup>.

Kesemua *gospel* dan surat-surat kiriman tersebut dikumpul dan kemudiannya dikenali dengan nama Perjanjian Baru atau *New Testament*. Selanjutnya *Old Testament* turut diterima sebagai kitab suci di dalam Gereja Roman Katholik. *The Old Testament* diterima sebagai kitab suci kedua di dalam Gereja Roman Katholik kerana isi kandungannya ada meramalkan mengenai kedatangan Jesus sebagai penyelamat umat manusia<sup>37</sup>. Selanjutnya penulisan ini akan membincangkan mengenai sumber utama Gereja Roman Katholik yang dipercayai suci dan berasal daripada wahyu Tuhan. Ini penting ditonjolkan kerana pengikut Gereja Roman Katholik mendakwa bahawa kepercayaan mereka kepada Jesus Christ sebagai penyelamat adalah merupakan ketetapan yang terdapat di dalam *The Holy Bible*.

<sup>36</sup> H. Berkhof dan I. H Enklaar (1990). *Sejarah Gereja*. Hal. 347.

<sup>37</sup> *Ibid.*

## D . SUMBER-SUMBER UTAMA AJARAN GEREJA ROMAN KATHOLIK

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa sumber utama di dalam Gereja Roman Katholik hanya dua<sup>37</sup> sahaja iaitu *The Old Testament* atau Perjanjian Lama dan *The New Testament* atau Perjanjian Baru. *Testament* yang bermaksud perintah ini menonjolkan perjanjian di antara Bani Israel dan Tuhan Yahweh yang terangkum di dalam *Old Testament* yang mengandungi sepuluh perintah atau 10 commandments.

Berikut dinyatakan sumber-sumber tersebut mengikut turutan:

### 1. *The Old Testament*

*The Old Testament* merupakan nama yang diberikan oleh orang-orang Kristian kepada kitab Bani Israel. Di dalamnya terkandung kumpulan gospel<sup>38</sup>, surat-surat, kisah-kisah dan wasiat-wasiat dari nabi-nabi Bani Israel, sejarah dari hakim-hakim dan raja-raja Bani Israel yang bermula dari nabi Musa hingga sebelum lahirnya Jesus Christ. Pada peringkat awal, *The Old Testament* hanya mengandungi *Torah* yang terdiri daripada lima naskhah kitab suci asfar atau turut

<sup>38</sup> *Gospel* berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud berita baik. Oleh itu istilah *gospel* yang diberikan kepada bahagian-bahagian yang terdapat di dalam Bible merupakan berita baik daripada Tuhan. Secara khusus istilah *gospel* digunakan untuk empat *gospel* yang terdapat di dalam *The New Testament* iaitu *Matthew*, *Mark*, *Luke* dan *John*. Lihat Arthur A. Jones (1982), *Illustrated Dictionary of World Religions* t.t: The Religion Education Press. Hal. 93.

dikenali sebagai *pentateuch*<sup>39</sup> yang bermaksud lima jilid ataupun lima buku dan dikenali juga sebagai "five-fifth of the law" iaitu<sup>40</sup>:

1. *Genesis* atau Kitab Kejadian; terkandung di dalamnya riwayat mengenai kejadian langit dan bumi dan kisah nabi Adam a.s hingga kepada nabi Yusuf a.s.
2. *Exodus* atau Kitab Keluaran; terkandung di dalamnya tentang sejarah Bani Israel ketika berada di Mesir sehingga keluar dari Mesir.
3. *Leviticus* atau Kitab Imamat orang Lewi; terkandung di dalamnya beberapa syariat hukum agama Israel
4. *Numbers* atau Kitab Bilangan; terkandung di dalamnya sumber-sumber hukum bangsa Yahudi dan sumber sejarah Bani Israel.
5. *Deutronomy* atau Kitab Ulangan; terkandung di dalamnya sumber-sumber hukum bagi bangsa Yahudi dan sumber sejarah Bani Israel.

Selain daripada lima kitab atau *asfar* yang utama yang tersebut di atas, terdapat 34 buah kitab atau *asfar* lampiran *Torah* yang terkandung di dalam kitab *Torah* atau *The Old Testament* yang menjadi pegangan orang-orang Yahudi. Kitab-kitab ini merupakan kumpulan pelbagai catatan sejarah, riwayat dan kisah-kisah, wasiat dan pengajaran dari para nabi Bani Israel yang bermula dari nabi Musa a.s hingga ke zaman sebelum lahirnya Jesus Christ, riwayat dan cerita raja-raja, pendita dan orang-orang terkemuka Bani Israel<sup>41</sup>.

<sup>39</sup> Walter Farquhar Hook (1852), *A Church Dictionary*. Massachusetts: Harvard University Hal. 472.

<sup>40</sup> J. D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*. Hal. 957.

<sup>41</sup> *The Holy Bible, New International Version*. Hal. contents

Walaupun begitu, kitab-kitab atau *asfar* tersebut bukanlah merupakan wahyu daripada Allah s.w.t sebagaimana lima kitab atau *asfar* yang terdahulu atau dikenali sebagai *Torah*. Ia hanya merupakan catatan riwayat menurut pandangan bangsa Yahudi dan dianggap suci *sepertimana* lima kitab atau *asfar Torah*. Justeru, jumlah keseluruhan kandungan *The Old Testament* adalah 39 buah kitab yang dibahagikan kepada beberapa bahagian utama. Isi kandungan kitab lampiran *Torah* adalah terdiri daripada kitab-kitab *Joshua*, *Judges*, *Ruth*, *1 Samuel*, *2 Samuel*, *1 Kings*, *2 Kings*, *1 Chronicles*, *2 Chronicles*, *Ezra*, *Nehemiah*, *Esther*, *Job*, *Psalms*, *Proverbs*, *Ecclesiastes*, *Song of Songs*, *Isaiah*, *Jeremiah*, *Lamentations*, *Ezekial*, *Daniel*, *Hosea*, *Joel*, *Amos*, *Obadiah*, *Jonah*, *Micah*, *Nahum*, *Habakkuk*, *Zephaniah*, *Haggai*, *Zecharia*, *Malachi*<sup>42</sup>.

Memandangkan kepada isi kandungannya, *The Old Testament* telah dianggap sebagai kitab rujukan asas yang terpenting di dalam agama Kristian. Walaupun demikian kedudukannya sebagai kitab rujukan utama tidaklah melebihi *The New Testament*. Ini kerana *The Old Testament* hanya merupakan kitab yang banyak menceritakan tentang latar belakang Bani Israel. Namun, bahan sejarah tersebut banyak membantu di dalam meramal tentang kedatangan penyelamat atau *messiah* yang dikatakan khusus ditujukan kepada Jesus Christ. Sebagai contoh kitab atau *asfar Daniel* adalah antara kitab yang popular kerana nabi Daniel dikatakan telah meramalkan kedatangan seorang *messiah* yang akan menjadi raja dan penyelamat kepada bangsa Yahudi. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan

---

<sup>42</sup> *Ibid.*

oleh Daniel di dalam mimpiya yang terdapat di dalam *The Old Testament* (*Daniel 7:13-14*):

*"In my vision at night I looked, and there before me was one like a son of man, coming with the clouds of heaven. He approached the Ancient of Days and was led into his presence. He was given authority, glory and sovereign power; all peoples, nations and men of every language worshipped him. His dominion is an everlasting dominion that will not pass away, and his kingdom is one that will never be destroyed."*

Selain daripada kenyataan di atas kisah kedatangan penyelamat agung tersebut turut dipaparkan dalam *Isaiah 7:14-15* dan *9:5-6*. Justeru, di atas dasar-dasar tersebut *The Old Testament* telah diletakkan sebagai rujukan utama di dalam Gereja Roman Katholik.

## 2. *The New Testament*

*The New Testament* merupakan kitab suci paling utama yang menjadi pegangan Gereja Roman Katholik. Di dalamnya termaktub ketetapan-ketetapan yang diberikan oleh Tuhan kepada Jesus Christ dan segala ketetapan itu merupakan suatu *testament* atau perjanjian<sup>43</sup>. Justeru, ia dikenali sebagai suatu bentuk perjanjian di antara Tuhan dan Jesus Christ kepada masyarakat Bani Israel.

Menurut S.G.F Brandon, *The New Testament* ditulis oleh cendekiawan Kristian selepas ketiadaan Jesus Christ dengan kadar masa yang agak jauh

<sup>43</sup> Agus Hakim (1990), *Perbandingan Agama: Pandangan Islam mengenai Kepercayaan: Majusi-Syablah-Yahudi-Kristian-Hindu & Buddha*. Bandung: CV Diponegoro, cet. 2. Hal. 31.

daripadanya iaitu hampir satu abad. Secara umumnya kitab ini mengandungi *gospel*, himpunan surat-surat, riwayat-riwayat dan wahyu. *Gospel-gospel* yang terdapat di dalamnya merupakan *gospel-gospel* yang diiktiraf oleh pihak tertinggi gereja sahaja. *The New Testament* ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu<sup>44</sup>:

1. Bahagian himpunan *gospel* yang terdiri daripada empat *gospel* utama iaitu:

*Gospel Matthew* karya Matthew

*Gospel Mark* karya Mark

*Gospel Luke* karya Luke

*Gospel John* karya John

2. Bahagian *Acts of Apostles* atau lebih dikenali sebagai *Acts* atau Kisah Rasul-rasul terdiri daripada sebuah kitab sahaja iaitu karya Luke.

3. Bahagian *Epistles* atau Himpunan Surat-surat Kiriman yang mengandungi 14 surat kiriman St. Paul dan beberapa surat lain hasil karya pembantu-pembantu St. Paul.

Antara 14 *Epistles of Paul* ialah *Romans*, *1 Corinthians*, *2 Corinthians*, *Galatians*, *Ephesians*, *Philippians*, *Colossians*, *1 Thessalonians*, *2 Thessalonians*, *1 Timothy*, *2 Timothy*, *Titus*, *Philemon* dan *Hebrews*.

Manakala surat-surat lain pula ialah setiap satunya sebuah daripada surat kiriman James (*James*), surat kiriman Peter (*1 Peter* dan *2 Peter*), surat kiriman John (*1 John*, *2 John* dan *3 John*) dan surat kiriman Jude (*Jude*).

<sup>44</sup> S.G.F Brandon (1970), *A Dictionary of Comparative Religions*. London: C. Tinling and Company. Hal. 456.

4. Bahagian wahyu atau *Apocalypse* atau dikenali juga dengan *Revelation* terdiri daripada sebuah kitab sahaja iaitu karya John.

Secara keseluruhannya *gospel-gospel* tersebut ditulis dalam jarak masa yang agak jauh daripada masa hidup Jesus Christ. *Gospel* yang paling awal ditulis hanya kira-kira 60 tahun selepas ketiadaan Jesus Christ. Robert S. Ellwood di dalam bukunya *Many People Many Faith* menyatakan bahawa *gospel* yang terawal ditulis di sekitar tahun 65M hingga 70M ialah *gospel Mark*<sup>45</sup>.

Terdapat banyak sebab yang menyebabkan ianya begitu lewat ditulis antaranya para penganut awal Kristian atau *Early Christians* kebanyakannya menyangka segala yang diajar oleh Jesus Christ akan segera berlaku di hadapan mereka. Sebagai contoh Jesus mengajarkan bahawa *Kingdom of Heaven is near*. Justeru mereka menganggapkan kerajaan Langit itu akan segera muncul selepas ketiadaan Jesus tetapi yang terjadi adalah sebaliknya. Ini kerana golongan yang menjadi pengikut Jesus telah dikejar dan diburu oleh pemuka-pemuka Yahudi yang menganggap ajaran Jesus adalah suatu penyelewengan agama Yahudi. Pada masa itu juga, orang ramai termasuk golongan *al-Hawāriyyūn* banyak bergantung kepada ingatan dan hafalan semasa berada di samping Jesus Christ. Justeru, alat tulis kurang digunakan oleh mereka<sup>46</sup>.

<sup>45</sup> Robert S. Ellwood (1991), *Many People Many Faith*. New Jersey: Simon and Schuster company Hal. 233.

<sup>46</sup> Abd. al-Hamid Jawdat al-Sahhār (1983), *Isā al-Masīh*. al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, cet. 2. Hal. 87.

Penulisan ini juga mendapati isi kandungan *The New Testament* kebanyakannya didominasikan oleh *Epistles of Paul* berbanding *gospel-gospel* dan bahagian yang lain. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui jumlah surat-surat tersebut dan jumlah mukasurat yang digunakan. Selain daripada itu, para penulis *gospel* dan *Acts* merupakan anak murid ataupun pengikut kepada St. Paul dan penulisan mereka lebih menampakkan pemikiran St. Paul. Selain daripada itu, penulis-penulis tersebut banyak menceritakan kisah dan riwayat hidup St. Paul berbanding sejarah Jesus Christ dan para rasulnya atau *al-Hawāriyyūn* yang 12 orang. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab *Acts* yang ditulis sendiri oleh Luke. Sebagai contoh satu petikan daripada *The New Testament (Acts. 16-18)*:

*"Paul had decided to sail past Ephesus to avoid spending time in the province of Asia, for he was in hurry to reach Jerusalem, if possible, by the day of Pentecost. From Miletus, Paul sent to Ephesus for the elders of the church. When they arrived, he said to them: "You know how I lived the whole time I was with you, from the first day I came into the province of Asia."*

Berdasarkan perbahasan tersebut, memperlihatkan bahawa isi kandungan *New Testament* lebih merupakan kitab St. Paul. Apa yang dilakukan oleh beliau ialah menyandarkannya kepada Jesus Christ supaya ianya dapat dikatakan sebagai kitab daripada Jesus Christ dan merupakan firman ataupun wahu daripada Tuhan, walaupun hakikatnya tidak ada perkataan di dalamnya yang ditulis oleh Jesus Christ.

Melihat kepada kepentingannya, *The New Testament* telah dianggap sebagai kitab rujukan yang paling utama di dalam agama Kristian. Jika *The Old*

*Testament* dikatakan sebagai kitab yang memaparkan sejarah latar belakang bangsa Yahudi, maka *The New Testament* merupakan pentafsir kepada *The Old Testament*<sup>47</sup>. Hal ini amat jelas, apabila Daniel memberikan ramalan tentang kedatangan seorang *messiah*, maka ramalan tersebut telah diinterpretasikan di dalam *The New Testament* dengan kedatangan seorang *messiah* iaitu Jesus Christ sebagai seorang *Son of Man, coming with the clouds of heaven*.

Di samping kedua sumber yang dihuraikan di atas, kajian ini mendapati bahawa selain *The Old Testament* dan *The New Testament* terdapat satu lagi sumber asas agama Kristian iaitu persidangan-persidangan yang dianjurkan oleh gereja-gereja sedunia untuk menentukan perkara-perkara yang boleh dipakai dan diamalkan di dalam agama Kristian dan menolak perkara-perkara yang sebaliknya. Terdapat dua bentuk persidangan di dalam agama Kristian iaitu *council* dan *synode*. *Council* merupakan persidangan yang mempunyai kuasa di dalam membincangkan dan menetapkan asas-asas akidah dan syariat di dalam agama<sup>48</sup>. Ianya dianggotai oleh para *Bishop* dan *Abbot*. Manakala *synode* pula hanya mempunyai kuasa di dalam membincangkan tatatertib di dalam agama<sup>49</sup>.

Jika dilihat secara mendalam, persidangan berbentuk *council* ini adalah yang paling berautoriti sebagai sumber asas di dalam agama Kristian. Ini kerana ia mempunyai kuasa di dalam menentukan dan memilih *gospel* yang boleh dibaca dan

<sup>47</sup> Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1993), *Disertasi Sarjana*. "Konsep Trinity Menurut Agama Kristian Dan Pandangan Islam Terhadapnya". Kuala Lumpur: ALUM. Hal. 177.

<sup>48</sup> James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jil. iv. Hal. 190.

<sup>49</sup> Paul Kevin Meagher, et. al. (1979), *Encyclopedia Dictionary of Religion*. Oxford: Clarence Press, jil. o/z. Hal. 343.

sebaliknya. Manakala perkara-perkara yang berlawanan dengan kehendak dan pemikiran anggota *council* akan ditolak dan dilabel sebagai bidaah. Begitu juga di dalam penetapan doktrin-doktrin di dalam agama Kristian adalah wajib selaras dengan kehendak anggota *council*. Contohnya dalam persidangan Nicea 325M telah menetapkan bahawa Jesus Christ adalah sebenarnya Anak Tuhan yang berfungsi sebagai penyelamat manusia daripada dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve telah dipersetujui sebagai doktrin agama Kristian kerana ia selaras dengan pemikiran anggota *council* walaupun mendapat tentangan daripada pengikut-pengikut setia ajaran asal Jesus Christ<sup>50</sup>.

#### E . KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kenyataan yang didapati daripada dokumen-dokumen yang dipercayai berasal dari abad ke 2 Masehi memperjelaskan bahawa Gereja Roman Katholik adalah gereja yang paling awal wujud di dalam agama Kristian. Prinsip-prinsip ajaran yang dianuti oleh gereja tersebut memperlihatkan bahawa mereka telah menganut ajaran yang telah disebarluaskan oleh St. Paul yang membawa idea Jesus Christ adalah penyelamat atau *saviour* yang mengorbankan diri di tiang salib untuk menghapuskan dosa warisan yang menimpa manusia. Ajaran St. Paul sebagaimana dipaparkan memperlihatkan bahawa idea tersebut adalah bertitik tolak daripada doktrin dosa warisan yang disusun oleh St. Paul dengan menjadikan Jesus Christ sebagai jalan penyelamat yang akhir kepada krisis yang dialami oleh manusia. Oleh kerana itu, mengenali doktrin dosa warisan atau *inherited sin* adalah

<sup>50</sup> Joesoef Sou'yb (1983), *Agama-agama Besar di Dunia*. Hal. 340-347.

kunci utama di dalam memahami idea Jesus Christ sebagai penyelamat menurut Gereja Roman Katholik.